

**MAKLUM BALAS**  
**MINIT MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)**  
**BILANGAN 1 TAHUN 2022**

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
<b>HAL – HAL BERBANGKIT</b>		
<b>1. Pindaan Perlembagaan MBJ dan Perwakilan MBJ Pekerja</b>		
a)	<p>Perbincangan Wakil Pekerja dan BKP berkenaan pindaan terhadap Perlembagaan bagi menambah fungsi wakil serta penambahan kategori wakil pekerja.</p> <p>(Perkara 2. (iii))</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan : Wakil Pekerja &amp; BKP</b></p>	<p>Wakil pekerja telah meneliti Perlembagaan sedia ada dan mendapati wakil skim A, Q dan C tiada dalam Perlembagaan MBJ dan memerlukan pindaan.</p>
b)	<p>Pihak Pekerja dimohon mengemukakan nama wakil bagi skim-skim berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Skim H (Pembantu awam / Pemandu) ;</li> <li>b. A (pembantu laut);</li> <li>c. Q (Pembantu / Penolong Pegawai Penyelidik); dan</li> <li>d. C (Pembantu Makmal / Penolong Pegawai Sains)</li> </ul> <p>(Perkara 2. (v))</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan : Wakil Pekerja &amp; BKP</b></p>	<p>Wakil Pekerja akan membuat proses undian melalui <i>Google Form</i> untuk pencalonan wakil pekerja skim J26/JA29/JA36/JA38, H11/H14 dan N11/N14.</p> <p>Bagi skim A, Q, C dan N29/N32 memerlukan pindaan Perlembagaan. Wakil Pekerja akan meneliti cadangan pindaan Perlembagaan bagi skim dan gred yang dinyatakan.</p>
<b>2. Penambahbaikan Skim Perkhidmatan</b>		
a)	<p>Mengemaskini dan mengumpul Deskripsi Tugas Operator Wayarles bagi membantu urusan Kajian Skim oleh pihak JPA.</p> <p>(Perkara 4.2 (i1))</p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan : Wakil Pekerja (Operator Wayarles)</b></p>	<p>Kajian Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Bukan Gunasama yang minoriti (WO) di DOF telah diadakan pada 17 Mei 2022 yang dipengerusikan Pengarah Bahagian PS. Deskripsi tugas tersebut telah dibentangkan kepada BPO, JPA pada mesyuarat tersebut.</p>

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
<b>3. Kebajian Peyelam di Jabatan</b>		
a)	<p>Penyediaan kertas kerja Perlidungan Kumpulan Secara berkelompok Khas dari pihak Kotani.</p> <p><b>(Perkara 4.4 (ii))</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan : Wakil Pekerja</b></p>	<p>Wakil pekerja akan melaksanakan Program Taklimat Perlindungan Kelompok oleh pihak insurans kepada semua kakitangan.</p> <p>Selain itu, wakil pekerja juga telah mendapatkan maklumat daripada pihak KOTANI. Pihak KOTANI akan mengemukakan pakej perlindungan yang boleh ditawarkan.</p>
<b>ISU WAKIL PEKERJA</b>		
<b>1. Pertambahan Kursus Pemantapan / Jati Diri Kakitangan</b>		
a)	<p>Perancangan PLKK bagi pelaksanaan kursus pemantapan / jati diri bagi kakitangan Jabatan sama ada dilaksanakan secara fizikal atau di atas talian.</p> <p><b>(Perkara 5.4 (ii))</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Tindakan : PLKK</b></p>	<p>Program Kecemerlangan dan Kecergasan yang telah diadakan di APM, Terengganu pada 31/5 hingga 3 Jun 2022 melibatkan seramai hampir 300 kakitangan juga merupakan sebahagian dari program <i>team building</i> jabatan. PLKK akan melihat keperluan peningkatan jati diri/komunikasi pada tahun ini berdasarkan peruntukan sedia ada dan kesemua program ini dilaksanakan secara fizikal.</p> <p>PLKK juga memberi penumpuan untuk melaksanakan kursus teknikal bagi meningkatkan kemahiran kakitangan.</p> <p>Elemen berkaitan jati diri dan semangat kekitaan serta kerja berpasukan turut diterapkan dalam Program Induksi Kompetensi, Program Transformasi Minda (PTM), <i>On Job Training</i>, Pemantapan Pengukuhan Kakitangan Pelesenan, Kursus Frontliners, Team Building, Pemantapan Keterampilan Personaliti, Program Kecemerlangan dan Kecergasan dan lain untuk tahun 2022. Perancangan kursus-kursus sebegini akan diteruskan untuk tahun 2023.</p>

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
	<b>2. Pelaksanaan Kutipan Caj / Fi Secara Atas Talian</b>	
a)	<p>Penyelarasan permohonan maklumat berkenaan bilangan / jenis / serta jumlah kutipan dari Bahagian-Bahagian bagi mengkaji keperluan pewujudan satu platform pembayaran secara atas talian</p> <p><b>(Perkara 5.5 (iii))</b></p> <p><b>Tindakan :BKP kewangan &amp; perkhidmatan</b></p>	<p>Satu sistem pembayaran melalui portal online sedang dibangunkan oleh Jabatan Akauntan Negara kerana Jabatan Perikanan Malaysia dipilih sebagai Jabatan Perantis untuk pembangunan sistem ini. (Perbincangan sebelum COVID)</p> <p>Buat masa ini, Bahagian Biosekuriti juga sedang membangunkan Portal Ekanmas dimana pembayaran permit CITES dan penyelidikan dapat dibayar secara online dan dijangka sistem akan online pada hujung tahun ini.</p> <p>Perjawatan Pembantu Tadbir (P/O) @ Pembantu Tadbir (Kewangan) perlu dimohon oleh Pejabat Perikanan Negeri daripada SUK Negeri masing-masing.</p>
	<b>3. Urusan Parkir di Ibu Pejabat</b>	
a)	<p>Mengalih kereta yang telah lama terbiar dan mengeluarkan surat ke pihak Addeen untuk mengambil tindakan terhadap kereta yang menghalang lalu lintas</p> <p><b>(Perkara 5.8 (ii))</b></p> <p><b>Tindakan :BKP Pentadbiran</b></p>	<p>BKP telah membuat hebahan kepada pentadbir setiap Bahagian/Unit untuk mengenal pasti kenderaan yang telah lama terbiar di kawasan parkir.</p> <p>BKP akan membuat pengumuman sekiranya terdapat kenderaan yang menghalang lalu lintas di kawasan parkir untuk diambil tindakan oleh kakitangan berkenaan.</p>
a)	<p>Mengemukakan permohonan bagi ruang parkir OKU</p> <p><b>(Perkara 5.8 (iii))</b></p> <p><b>Tindakan :Pihak Pekerja</b></p>	<p>Wakil Pekerja akan mengemukakan permohonan sekiranya terdapat keperluan oleh pekerja.</p>

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
<b>4. Ketetapan Spesifikasi Pakaian Seragam</b>		
a)	<p>Mengkaji semula keperluan pakaian seragam angota penguatkuasa serta mengangkat permohonan untuk kelulusan JPA   <b>(Perkara 5.11 (ii))</b></p> <p><b>Tindakan : Bahagian Perlindungan Sumber</b></p>	<p>Penyediaan pakaian seragam penguatkuasa Bahagian Perlindungan Sumber adalah berdasarkan Arahan Tetap Pakaian Seragam Bahagian Perlindungan Sumber Jabatan Perikanan Malaysia (Pekeling Cawangan Marin /Bil 9. Tahun 1996) (Pindaan 2018) yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Jabatan Perikanan (JPJP) dan Mesyuarat Jawatankuasa Dasar (JKD) di peringkat Kementerian, seterusnya JPA dan BIUPA, JPM serta Perundangan Kementerian bagi tujuan pemakaianya.</p>
<b>5. Pewujudan Pertubuhan Badan Khairat Kematian &amp; Kebajikan Kakitangan Jabatan</b>		
a)	<p>Penyelarasan urusan sumbangan bagi tujuan menjaga kebajikan kakitangan Jabatan   <b>(Perkara 5.17 (ii))</b></p> <p><b>Tindakan : KESUSIP</b></p>	<p><b>KUTIPAN TABUNG KEBAJIKAN KESUSIP IBU PEJABAT PERIKANAN, PUTRAJAYA</b></p> <p>KESUSIP akan menyelaras kutipan tahunan bagi tujuan kebajikan para ahli KESUSIP yang bertugas di Ibu Pejabat Perikanan. Cadangan kadar kutipan adalah berjumlah RM 10/Tahun.</p> <p>Kadar sumbangan kepada para ahli yang terlibat dengan sebarang musibah adalah seperti berikut:</p> <p>Kematian : RM 500  • <b>Termasuk kematian ahli keluarga</b>  Kemalangan : RM 300  Bencana : RM 100  • Banjir, kebakaran, dimasukkan ke hospital dll</p>
<b>6. Hari Terbuka Bahagian Khidmat Pengurusan</b>		
	<p>Penjadualan hari terbuka Bahagian Khidmat Pengurusan bagi memudahkan semakan buku perkhidmatan kakitangan Jabatan.   <b>(Perkara 5.18 (ii))</b></p> <p><b>Tindakan : BKP Personel</b></p>	<p>Klinik semakan Buku Rekod Perkhidmatan, Fail Peribadi dan HRMIS dibuka pada Hari Jumaat minggu ketiga setiap bulan. Perkara ini telah diwawarkan kepada semua pentadbir Sumber Manusia pada 23 Mei 2022.</p> <p>Walau bagaimanapun, hanya 3 orang pegawai yang telah melakukan semakan terhadap Buku Rekod Perkhidmatan sehingga kini. Mohon panjangkan makluman kepada semua warga Jabatan</p>

BIL	PERKARA	MAKLUMBALAS
		<p>untuk mematuhi jadual semakan yang telah ditetapkan iaitu setiap hari Jumaat minggu ke-3.</p> <p>Salinan Buku Rekod Perkhidmatan bagi tujuan pemangkuan/naik pangkat perlu dimohon melalui Seksyen Kompetensi terlebih dahulu.</p>